

Dasar sekat monopoli kartel digubal

Syarikat gergasi kawal import produk pertanian punca sukar kawal harga

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kerajaan sedang menggubal dasar untuk menyekat monopoli kemasukan produk pertanian dan perladangan oleh syarikat besar yang mengaut jutaan ringgit menerusi pengimportan makanan.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Sim Tze Tzin, berkata kewujudan syarikat yang berperanan seperti 'kartel' dengan menguasai pasaran pertanian menyebabkan kerajaan sukar mengawal harga barang di pasaran.

Apa yang berlaku itu, katanya, belum lagi diambil kira isu penyelewengan dan salah guna kuasa yang sehingga kini belum diatasi dengan berkesan.

"Kita sedang gubal dasar untuk mengubah subsidi import kepada subsidi bersasar. Daripada memberi monopoli kepada beberapa syarikat, kita cuba beri kepada lebih syarikat untuk masuk bersaing antara satu sama lain.

"Daripada memberi subsidi kepada syarikat besar, kita akan beri terus kepada petani dan peladang, supaya mereka boleh beli barangan import seperti baja, racun dan sebagainya. Ini semua untuk



Tze Tzin menyaksikan Anwar menyampaikan replika cek wakalah zakat perniagaan kepada Pengerusi Pertubuhan Peladang Kawasan Klang, Muner Suandi untuk diagihkan kepada golongan asnaf Peladang negeri Selangor ketika Program Jalinan Mesra Peladang 2019 di Dataran Ilmu, Bandar Baru Selayang, semalam. (Foto Asyraf Hamzah/BH)

kurangkan harga barang," katanya berucap pada Program Jalinan Mesra Peladang 2019 di Selayang, semalam.

Majlis disempurnakan Ahli Parlimen Port Dickson yang juga Presiden PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim. Yang turut sama hadir, Pengerusi Ahli Jemaah Pengarah Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS), Datuk Phahrolrazi Mohd Zawawi.

Tze Tzin yakin peladang dan petani pada masa ini mempunyai kepakaran dalam memajukan pertanian termasuk mengaplikasi

penggunaan teknologi.

"Saya tahu setiap peladang mempunyai cara sendiri. Kita beri subsidi terus kepada mereka. Ini dasar yang kita harap memberi kuasa kepada peladang supaya memilih yang terbaik untuk pertanian mereka.

"Petani ini semua bijak belaka. Mungkin tidak masuk universiti, tetapi tahu tanaman mereka. Namun, sekarang juga ramai yang masuk bidang pertanian adalah mahasiswa dan jurutera.

"Pertanian walaupun tidak diberi perhatian, ia adalah pernia-

gaan yang sentiasa berkembang. Selagi ada manusia, pertanian ada potensi (ekonomi) yang cukup besar," katanya.

Mengikut rekod Malaysia, memperuntukkan RM52 bilion pada 2017 untuk mengimport makanan seperti RM2.1 bilion untuk import ikan segar, RM2.4 bilion (daging lembu dan kerbau) dan RM244 juta (cili).

"Import sangat tinggi ini memberi peluang ekonomi kepada petani memasuki medan (dunia pertanian dan perladangan) dan memasuki pasaran," katanya.